

PENEMUAN AUDIT BADAN PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)

HASIL LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 1 SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) MS ISO 14001:2004 TAHUN 2015

1.0 TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan penemuan Audit Pemantauan Semakan 1, Sistem Pengurusan Alam Sekitar oleh SIRIM.

2.0 PENGENALAN

Audit Pemantauan Semakan 1 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 oleh SIRIM telah dilaksana pada 25 hingga 27 Mei 2015. Sepanjang audit, seramai empat (4) orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop penyediaan perkhidmatan Pengajaran dan Pembelajaran.

3.0 LOKASI AUDIT

Lokasi yang dipilih sebagai sampel untuk audit adalah seperti berikut:

- (a) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (Kampus Bintulu);
- (b) Fakulti Perubatan Veterinar;
- (c) Fakulti Kejuruteraan;
- (d) Fakulti Rekabentuk dan Senibina;
- (e) Fakulti Pengajian Pendidikan;
- (f) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan;
- (g) Fakulti Pertanian;
- (h) Fakulti Sains;
- (i) Pusat Asasi Sains Pertanian;
- (j) Pejabat Pendaftar;

- (k) Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (l) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset;
- (m) Pejabat Penasihat Undang-Undang;
- (n) Pejabat Bursar;
- (o) Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi;
- (p) Taman Pertanian Universiti.

4.0 PENEMUAN AUDIT

Hasil Penemuan Audit Pemantauan Semakan 1, terdapat satu (1) laporan ketakakuran (NCR) dan lapan (8) peluang penambahbaikan (OFI) dilaporkan. Ringkasan hasil laporan Audit Pemantauan Semakan 1 boleh dirujuk seperti **Jadual 1** bagi Laporan Ketakakuran dan **Jadual 2** bagi Peluang Penambahbaikan.

Jadual 1: Ringkasan Laporan Ketakakuran

BIL.	KETAKAKURAN / NO.	KLAUSA	BUKTI PENEMUAN (PTJ) <i>Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO</i>
1.	RAG 01	4.4.6 Kawalan Operasi	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan bahan buangan terjadual masih tidak memenuhi keperluan yang digariskan dalam <i>Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulation 2005</i>.

Jadual 2: Ringkasan Peluang Penambahbaikan

BIL	OFI	KLAUSA	TANGGUNGJAWAB	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN <i>Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO</i>
1.	No. 1(a)	4.3.1	Pusat Jaminan Kualiti	Penilaian aspek impak alam sekitar - ketepatan/kerapian 'aspek-aspek' yang dikenalpasti dan impak yang dinilai perlu dimajukan lagi
2.	No. 1(b)	4.3.1	Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	Kaitan antara perihal perundangan dengan aspek berkaitan pelepasan ke udara perlu dipertingkatkan
3.	No. 2	4.3.2	Pejabat Penasihat Undang-Undang	Daftar undang-undang yang dibangunkan perlu dikemaskini dengan syarat-syarat berikut: (1) <i>License for Abattoir of Veterinary Public Health Ordinance 1999</i> (2) Sijil Kelulusan Bertulis Insinerator (Kampus Bintulu)
4.	No. 3(a)	4.4.6	Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Pertanian	Tempat penyimpanan bahan kimia boleh ditambahbaik dengan menyediakan ruang khas beserta label dan bekas (secondary containment) bagi mencegah tumpahan
5.	No. 3(b)	4.4.6	Fakulti Rekabentuk dan Senibina	Pihak senireka landskap telah membina longkang sebagai <i>secondary containment</i> di setor bahan kimia (racun dan minyak). Kapasiti takungan longkang yang dibina hendaklah dikira dan sesuai untuk bekas minyak 22-25 liter, yang lazimnya berdasarkan 110% dari bekas yang terbesar

BIL	OFI	KLAUSA	TANGGUNGJAWAB	RINGKASAN PENAMBAHBAIKAN <i>Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO</i>	PELUANG
6.	No. 3(c)	4.4.6	UPM Kampus Bintulu	Ringkasan MSDS berkenaan bahan-bahan kimia yang digunakan di makmal, untuk rujukan para pelajar. Maklumat berkenaan polisi alam sekitar dan pensijilan ISO di makmal-makmal dan dewan kuliah	
7.	No. 4	4.4.7	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Pusat Jaminan Kualiti	Tiada bukti jelas kes kebakaran dan keberkesanan prosedur 'Kesediaan Kecemasan dan Tindakbalas' disemak di dalam Kajian Semula Pengurusan tahun EMS	
8.	No. 5	4.5.2	Pejabat Penasihat Undang-Undang	Proses penilaian kepada pematuhan undang-undang dijalankan oleh pihak PUU dalam 5 fasa (merujuk carta perbatuan proses Penilaian Kepatuhan). Secara keseluruhan, dokumen ini boleh ditambahbaik dengan penambahan syarat-syarat undang-undang berkaitan dengan "EQ (clean Air) 2014 dan "Terrestrial Animal Health Code 2013"	